

# “DEMI UNTUK MENEGAKKAN DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN”

# Saya sedia masuk penjara — Dr. Mahathir

‘Sistem Raja Berperlembagaan akan musnah jika raja-raja melibatkan diri dalam politik,’

28 DEC 1990

LONDON 19 Dis. —  
Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau sedia masuk penjara jika perbincangan UMNO mengenai Raja dan Perlembagaan dan dakwaannya bahawa Istana Kelantan telah campurtangan dalam politik melanggar Akta Hasutan.

Menurut beliau, UMNO membawa usul Raja dan Perlembagaan di Perhimpunan Agungnya yang lalu untuk mengingatkan rakyat tentang hak mereka dan raja tentang kedudukan dan tanggungjawab mereka.

“UMNO terpaksa menimbulkan perkara ini kerana ia sudah mula dibangkitkan oleh rakyat yang tidak puas hati mengenainya,” kata beliau.

“Mungkin apa yang saya cakap ini dianggap menghasut tetapi saya bersedia masuk penjara demi menegakkan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan di negara kita,” tegas beliau ketika berucap di satu majlis perjumpaan dengan pelajar - pelajar Malaysia di sini semalam.

Perdana Menteri memberitahu lebih 500 orang yang penuh sesak di Malaysia Hall di sini bahawa UMNO tidak sekali - kali berniat untuk membuang raja tetapi sebaliknya ingin menegakkan kedudukan me-



SIRAJUDDIN RAFIA  
WAKIL UTUSAN  
LONDON

reka sebagai Raja Berperlembagaan.

“Kita hendak letakkan raja-raja kita di atas takhta, kita hendak sanjung mereka dan sembah mereka.... jadi mereka hendaklah menerima kedudukan itu dan janganlah campurtangan secara langsung dalam politik dan mendedahkan diri mereka kepada caci - cerca rakyat,” ujar beliau.

Perdana Menteri menegaskan, sistem Raja Berperlembagaan akan musnah jika raja-raja melibatkan diri dalam politik.

Dato' Sri Dr. Mahathir mengulangi bahawa raja tidak boleh campurtangan secara langsung dalam politik kerana mereka tidak boleh berpihak, malah, di United Kingdom sendiripun, Baginda Queen tidak berhak campurtangan secara langsung dalam politik.

Menurut beliau, ada juga sistem feodal yang menggunakan raja dengan kuasa eksekutif sepenuhnya tetapi apabila tidak disukai oleh rakyat mereka boleh ditumbangkan begitu sahaja seperti yang pernah berlaku kepada Shah Iran.

“Tetapi di Malaysia, kita hendak mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan kita juga mahukan Raja Berperlembagaan, jadi kita bertanggungjawab untuk menjaga Institusi Beraja itu terus kekal

**LHAT MUKA 2**

UM 22 DEC 1990

## SEDIA MASUK PENJARA

dan berdaulat," ujarnya.

Menjawab soalan daripada salah seorang yang ingin tahu mengenai punca - punca kejatuhan UMNO di Kelantan dan usul Raja dan Perlembagaan di Perhimpunan Agung UMNO baru - baru ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, soal Kelantan memang mempunyai kaitan rapat dengan keputusan pemilihan pucuk pimpinan parti dalam tahun 1987 lalu.

Katanya, dalam pemilihan itu beliau menang dengan 43 undi dan sebahagiannya adalah undi daripada Kelantan sendiri. Ini bermakna kalau 34 undi Kelantan tidak menyokongnya, beliau sudah tentu tewas.

"Jadi saya percaya orang - orang Kelantan tidak mahu peristiwa itu berulang lagi. Mereka tidak mahu bertanggungjawab menyebabkan orang Kelantan sendiri tewas. Jadi dalam pilihanraya lalu mereka pastikan undi di pihak Kelantan sahaja," katanya.

### Janji

Satu lagi puncanya ialah janji pembangkang untuk memberikan \$100 kepada setiap orang yang berumur lebih 55 tahun yang menyebabkan pengundi terpedaya di samping kelemahan UMNO Kelantan sendiri yang berpunca dari rebutan menjadi Menteri Besar.

Tetapi, menurut beliau, salah satu punca yang paling penting ialah penglibatan istana dalam urusan politik.

"Sehari sebelum pengundian, khutbah - khutbah Jumaat dan di seluruh negeri menyuruh rakyat mengundi APU... ini adalah arahan dari istana."

"Mungkin apa yang saya cakap ini juga melanggar Akta Hasutan tetapi saya sedia masuk penjara," ujar beliau.

Mengenai cadangan supaya menukarkan perkataan "Malay" dalam ringkasan UMNO kepada perkataan "Muslim", Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana beliau menolak sama sekali agama dijadikan alat untuk mendapat sokongan bagi parti politik.

"Islam adalah milik semua umat dan bukan milik sesuatu parti. Kerana itu saya berpendapat tidak wajar sesebuah parti itu menggunakan agama untuk mendapatkan sokongan," kata beliau.

Perdana Menteri juga menghuraikan matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang bersyukur yang dapat hidup bukan sahaja dalam

suasana aman bahkan juga penuh dengan kemakmuran.

Beliau berkata, memang sukar bagi seseorang itu untuk menilai pencapaian negara sendiri tetapi apabila dibandingkan dengan nasib rakyat di negara - negara lain, maka mereka pasti akan lega dan bersyukur.

Umpamanya, kata beliau, di Malaysia kita telah adakan pilihanraya dan Barisan Nasional menang besar. Kemenangan itu tidak penting tetapi yang lebih penting itu ialah pilihanraya itu sendiri yang dijalankan dengan begitu sempurna hinggalah pihak Pemerhati Komanwel sendiri menganggapnya sebagai pilihanraya yang bebas dan adil.

Tetapi di negara lain ada yang dapat jadi Perdana Menteri tetapi tidak dapat memerintah dan terpaksa menyerahkan kuasa kepada orang lain. Ada pula yang jadi Perdana Menteri sekejap tetapi ditumbangkan pula, katanya.

Di satu negara lain, rakyat tidak suka Presidennya, dua bulan sahaja dijatuhkan, bahkan ditangkap pula. "Mujur juga baru - baru ini saya menang, kalau kalah mungkin saya juga ditangkap," ujar beliau berjenaka.

Di Australia, keadaan ekonomi teruk hingga rakyatnya cuba menghilangkan duka dengan minum bir dan tidak boleh buat kerja. Di Amerika Latin seperti Brazil, Argentina, Peru dan Chile kadar inflasinya meningkat hingga 20,000 peratus mengakibatkan penderitaan kepada rakyat.

Demikian juga di Eropah dan Amerika Syarikat yang ditimpa kemelesetan, malah, England sendiri pun menghadapi kadar inflasi hingga 10 peratus.

"Baru - baru ini ia turun 0.3 peratus menjadikan 9.7 peratus, wah bukan main seronok lagi mereka," katanya.

"Jadi kalau kita tinjau keadaan dunia semua, maka kita pasti akan bersyukur dengan keadaan di Malaysia. Ia bukan sahaja ditakdirkan oleh Tuhan bahkan juga hasil usaha kita sendiri untuk menikmati kemewahan," kata beliau.

Menurut beliau, ekonomi negara meningkat hingga 8.9 peratus dalam tahun 1988, 8.5 peratus dalam tahun 1989 dan tahun ini sudah capai 9.5 peratus, yang jauh lebih tinggi daripada jangkakan asal 8.1 peratus sahaja.

"Jadi cubalah kita bandingkan dengan Britain, umpamanya, mereka dapat naik antara dua hingga tiga peratus pun sudah merasa cukup hebat tetapi apabila kita memberitahu Malaysia nikmati peningkatan tujuh hingga lapan peratus setahun, baru mereka tercengang," kata beliau.